



**MENTERI SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**PENUBUHAN PUSAT PENEMPATAN PEKERJAAN**

1. YAB Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah mengumumkan mengenai penubuhan **Pusat Penempatan Pekerjaan atau National Placement Centre (NPC) semasa Mesyuarat Pemulihan Negara Bil. 1 2022 semalam. NPC ini akan ditubuhkan secara berperingkat di setiap negeri di Malaysia yang mana pusat ini akan dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia.** Penubuhan pusat ini adalah bagi menyokong usaha Kerajaan untuk mewujudkan 600,000 peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia seperti yang diumumkan dalam Bajet 2022.
2. Menerusi penubuhan NPC ini, syarikat-syarikat yang ingin menawarkan peluang pekerjaan boleh menggunakan pusat sehati ini untuk bertemu dengan pencari kerja, menyediakan program latihan kemahiran dan pembangunan kemahiran serta menawarkan penempatan pelatih atau latihan praktikal.
3. NPC ini juga akan menyediakan kemudahan berkaitan dengan proses pengambilan pekerja yang akan memudahkan majikan serta rakyat Malaysia antaranya bertemu dengan kaunselor kerjaya untuk mendapatkan penilaian kerjaya, maklumat lanjut untuk mencorak laluan kerjaya serta kursus pembangunan kemahiran yang boleh disertai untuk mereka kekal berpengetahuan dan berkemahiran.
4. Selain itu, individu yang melawat pusat ini juga boleh membuat pendaftaran di portal MYFutureJobs untuk mendapatkan akses yang lebih luas kepada peluang pekerjaan di seluruh negara. Menerusi portal ini, individu boleh mencari dan memohon pekerjaan yang sesuai dengan pengalaman, minat dan kelayakan mereka menerusi bimbingan wakil sokongan di pusat tersebut.

5. Dengan adanya pusat sokongan menyeluruh secara fizikal dan atas talian di pelbagai negeri seperti NPC ini, saya percaya bahawa rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang dan kebolehan akan mendapat peluang yang terbaik mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian.
  
6. KSM juga komited untuk memastikan usaha kerajaan ini berjalan lancar dan seterusnya akan mempercepatkan pemulihan ekonomi Malaysia tahun ini. Ini kerana agenda pembangunan bakat, penciptaan pekerjaan dan kelangsungan serta peningkatan taraf hidup rakyat menjadi keutamaan Kementerian ini.

**DATUK SERI M. SARAVANAN**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**4 MAC 2022**